

**TEKS PERBAHASAN  
PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2022/23**

**N18 BUKIT TAMBUN**

Salam sejahtera dan terima kasih kepada tuan yang dipertua, pihak kerajaan dan pihak pembangkang. Ucapan saya hari ini akan berkaitan dengan 3 tema yang amat penting untuk negeri kita iaitu:

- 1) Meningkatkan bidang pertanian**
- 2) Penambahbaikan sistem pengangkutan**
- 3) Penubuhan EXCO bayangan**

**Meningkatkan Bidang Pertanian**

Pertamanya, pihak kerajaan perlu menitikberatkan bidang pertanian. Aspek yang saya rasa penting ialah penggunaan teknologi dalam bidang pertanian. Negeri kita belum mencapai Agriculture 4.0, iaitu satu konsep yang mengintegrasikan teknologi dalam bidang pertanian. Dengan kegunaan teknologi dalam bidang pertanian, penanaman yang dihasilkan akan meningkat dan khasiat dalam penanaman itu akan dikekalkan. Petani dapat menggunakan teknologi untuk memantau penanamannya dan mendapatkan data untuk mengambil langkah bagi melindungi penanaman mereka daripada serangan perosak, perubahan iklim dan cuaca. Cara ini yang mengintegrasikan teknologi dalam pertanian telah dibuktikan berjaya di negara lain seperti Germany. Penggunaan teknologi seperti pertanian menegak (vertical farming) dan teknologi hidroponik terkini mengurangkan keperluan ruang. Saya mengetahui pihak kerajaan telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan 100 hab kebun komuniti berkonsepkan pertanian bandar (urban farming) dalam tempoh lima tahun akan datang. Ini merupakan satu inisiatif yang baik dan perlu dikekalkan, tetapi saya di sini ingin bertanya kepada pihak kerajaan, sudah berapa banyak hab kebun komuniti diwujudkan di Pulau Pinang? Adakah kerajaan negeri dapat menepati janji ini iaitu mewujudkan 100 hab kebun komuniti dalam 5 tahun?

Kenapa saya ingin menyebut tentang bidang pertanian? Hal ini kerana bidang pertanian sebenarnya berkait rapat dengan kenaikan harga barang dan keselamatan makanan negara kita. Merujuk Penang Agriculture Policy Report yang disediakan oleh Penang Institute, pada tahun 2018 di negeri Pulau Pinang, pihak kerajaan telah mengimport makanan dengan nilai RM 6.3 billion tetapi mengikuti analisis pakar, nilai makanan itu sewajarnya bernilai RM 2.6 billion sahaja. Hal ini mungkin disebabkan oleh kewujudan orang tengah dalam perdagangan ini. Data ini menunjukkan masalahnya dengan kewujudan orang tengah dalam bidang pertanian. Hal ini telah menyebabkan pengguna beli makanan yang mahal tetapi petani mendapat pendapatan yang tipis sahaja. Oleh sebab itu, selain meningkatkan produktiviti dalam bidang pertanian, pihak kerajaan perlu mengambil inisiatif untuk menyelesaikan masalah ini. Sebenarnya, sudah wujud inisiatif untuk menghadapi masalah ini iaitu FAMA's Agrobazaar. Bazaar ini memberikan platform secara fizikal atau secara dalam talian kepada petani-petani untuk menjual tanaman mereka secara langsung kepada pengguna.

Walau bagaimanapun, inisiatif seperti ini tidak diuar-uarkan dan orang ramai masih tidak mengetahui terdapat platform macam ini. Jika Agrobazaar ini dapat diketahui oleh orang ramai, petani dapat menguntong lebih banyak lagi kerana tidak perlu membayar komisen kepada orang tengah manakala pengguna dapat membeli makanan dengan harga yang lebih murah. Pihak kerajaan juga perlu memperkenalkan cara kepada petani untuk menjual produk mereka tanpa bantuan orang tengah. Sudah terang lagi bersuluh, kerajaan perlu mengintegrasikan teknologi dalam bidang pertanian untuk meningkatkan produktiviti dan mewujudkan serta menguar-uarkan platform seperti Agrobazaar kepada petani dan menganjurkan kursus kepada petani untuk mengajar mereka cara untuk menjual produk mereka dalam platform-platform tersebut.

### **Penambahbaikan Sistem Pengangkutan**

Seterusnya, saya ingin menceritakan tentang pengangkutan negeri kita. Salah satu masalah yang dihadapi oleh rakyat Pulau Pinang ialah kesesakan lalu lintas. Merujuk kepada Penang Transport Master Plan, Bayan Lepas LRT sepatutnya boleh bermula

operasi pada tahun 2027. Ini adalah satu projek yang amat memanfaatkan rakyat, tetapi setakat ini macam tiada sebarang perkembangan dalam pembinaan LRT ini. Jadinya saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah perkembangan pembinaan Bayan Lepas LRT? Adakah pada tahun 2027, LRT ini sudah boleh beroperasi? Jika tidak, bilakah LRT ini boleh siap pembinaannya dan bermula beroperasi. Saya juga ingin memberikan cadangan saya terhadap LRT ini. LRT ini akan bergerak dari Permatang Damar Laut sampai Komtar sahaja. Jika LRT ini boleh bergerak sampai ke Pulau Tikus, Tanjung Tokong dan Batu Ferengghi, sektor pelancongan negeri kita juga boleh ditingkatkan kerana terdapat banyak tapak pelancongan di kawasan tersebut. Tambahan pula, saya rasa pihak kerajaan dapat mengembangkan pengangkutan air di negeri kita. Pihak kerajaan dapat mengadakan bot laju ataupun feri yang mengelilingi Pulau Pinang dan sesetengah tapak pelancongan yang berada dekat dengan pantai seperti Taman Negara Pulau Pinang, Batu Ferengghi dan George Town. Konsep ini adalah lebih kurang sama dengan pengangkutan air di Bangkok yang telah menjadi salah satu ikon untuk Bangkok. Bot laju dan feri ini berpotensi menjadi pemangkin untuk sektor pelancongan negeri kita. Jika negeri kita menaiktarafkan sistem pengangkutan kita, bukan sahaja kita dapat menangani masalah kesesakan jalan raya yang sering menyusahkan rakyat Pulau Pinang, malahan dapat memangkinkan perkembangan sektor pelancongan negeri kita.

### **Penubuhan EXCO Bayangan**

Akhir sekali, saya ingin menyebut tentang institusi perundangan negeri kita. Untuk memperkukuh sistem demokrasi berparlimen di negeri kita EXCO bayangan perlu ditubuhkan dan pihak kerajaan perlu sokong dengan memberikan peruntukan kepada mereka. Oleh sebab di negeri kita, kita tidak ada sistem kabinet jadi saya menamakan perkara ini sebagai EXCO bayangan, konsepnya sama sahaja dengan kabinet bayangan yang kita kenali di negara lain seperti Australia. EXCO bayangan ini yang terdiri daripada ADUN dari parti pembangkang, berfungsi sebagai alternatif kepada EXCO rasmi yang ditubuhkan oleh kerajaan. EXCO bayangan dapat memainkan peranan untuk berdebat dan mencadangkan dasar atau polisi yang lebih efektif. Peruntukan boleh dibagi untuk membantu EXCO bayangan menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengawal kepada kerajaan dengan lebih cekap. Sebagai contoh, peruntukan dapat digunakan untuk menyediakan kemudahan

pejabat, staf sokongan dan sumber kewangan yang diperlukan untuk menjalankan tugas mereka supaya mereka dapat mengeluarkan kenyataan dan cadangan yang lebih mantap dan berkesan sebagai respons kepada keputusan yang diambil oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, sebelum pihak kerajaan memberikan peruntukan, pihak pembangkang juga perlu mengambil inisiatif untuk mengagihkan portfolio kerajaan negeri dan membentuk EXCO bayangan. EXCO bayangan ini bukan makan gaji buta punya, tetapi perlu memikul tanggungjawab untuk mengkaji dan mencadangkan polisi yang efektif kepada dewan yang mulia ini. Rakyat juga dapat menilai kebolehan pihak pembangkang dan mengetahui adakah pihak pembangkang betul-betul berdebat dengan profesionalisme ataupun pihak pembangkang bangkang demi bangkang sahaja. Tegasnya, EXCO bayangan perlu dibentuk oleh pihak pembangkang dan dianggap sebagai mekanisme semak dan imbang bagi kerajaan dan perlu diberikan peruntukan yang secukupnya untuk memainkan peranan mereka secara efektif.

### **Kesimpulan**

Kesimpulannya, tiga tema yang saya kemukakan tadi memang penting kepada negeri kita. Bidang pertanian berkait rapat dengan kehidupan kita kerana makanan merupakan keperluan semua orang; kesesakan lalu lintas merupakan masalah terbesar di negeri kita dan mekanisme semak dan imbang yang efektif dalam dewan yang mulia ini perlu dikukuhkan. Saya berharap cadangan saya dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan dan pembangkang dan persoalan saya dalam perbahasan ini dapat dijawab.

Sekian terima kasih.

**Tang Yi Ze**

**N18 Bukit Tambun**

**Sidang Muda 2022/23**